



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**  
**BERSAMA MEMBANGUN NEGARA**

**Kami merupakan organisasi pemungut cukai yang terulung sedang mencari individu yang profesional, dinamik, kreatif dan bermotivasi untuk menyertai kami.**

**TARIKH IKLAN : 5 NOVEMBER 2012**

**JAWATAN**

**A1 - Penolong Pegawai Eksekutif (Perakaunan) Gred 31  
(3 Kekosongan)**

**B1 - Pembantu Tadbir (Perkeranian) Gred 21  
(24 Kekosongan)**

**C1 - Pembantu Am (Pengawal Keselamatan) Gred 1  
(6 Kekosongan)**

**KELAYAKAN**

**A1**

Pemohon mestilah memiliki Diploma dalam bidang Pengajian Perdagangan, Pengajian Bank, Pengajian Perakaunan, dari institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

**ATAU**

*Licentiate of Chartered of Secretaries and Administration of United Kingdom* dalam bidang kewangan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

**DAN**

Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**B1**

Pemohon mestilah memiliki Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta kepujian dalam subjek Matematik pada peringkat peperiksaan tersebut;

**DAN**

Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**C1**

Pemohon mestilah memiliki Penilaian Menengah Rendah / Sijil Rendah Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

**ATAU**

Bekas Konstabel Polis Di Raja Malaysia atau Prebet Angkatan Tentera Malaysia yang telah disahkan dalam jawatan tersebut dan mempunyai rekod perkhidmatan yang baik serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu memuaskan.

**DAN**

- ◆ Mempunyai ukuran badan dan pancaindera seperti berikut :-
  - a) tinggi sekurang-kurangnya 1.71 meter bagi lelaki dan 1.63 meter bagi perempuan;
  - b) berat badan sekurang-kurangnya 48 kilogram bagi lelaki dan 46 kilogram bagi perempuan;
  - c) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79 cm dan semasa menarik nafas 84 cm (lelaki sahaja);
  - d) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasalingan dengan ketepatan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata atau kanta lekap;
  - e) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat.

\* **Semua pemohon mestilah Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup permohonan.**

Bagi pegawai LHDNM yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Pembantu Am adalah layak dipertimbang oleh LHDNM untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian) Gred 21, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-

- a) mempunyai kelayakan akademik seperti di atas;

**ATAU**

- b) lulus peperiksaan khas yang ditetapkan bagi bidang perkeranian.

**DAN**

- c) berumur kurang daripada 54 tahun pada tarikh lantikan.



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**  
**BERSAMA MEMBANGUN NEGARA**

**Kami merupakan organisasi pemungut cukai yang terulung sedang mencari individu yang profesional, dinamik, kreatif dan bermotivasi untuk menyertai kami.**

**BIDANG TUGAS**

**A1**

Membantu dalam menyediakan penyata kewangan tahunan dan laporan-laporan Kewangan LHDNM.

Membantu menyediakan laporan perbelanjaan mengurus dan pembangunan bulanan LHDNM.

Membantu dalam pengurusan pembayaran dan terimaan LHDNM.

Membantu dalam pengoperasian Sistem Kewangan dan Perakaunan LHDNM.

**B1**

Mengendalikan urusan buku perkhidmatan dalam merekodkan perubahan dan pertambahan maklumat perkhidmatan dan rekod cuti pegawai.

Mengurus dan mengemas kini fail-fail am pentadbiran dan kewangan.

Mengemas kini maklumat pegawai dalam Sistem Maklumat Sumber Manusia dan statistik perjawatan bulanan.

Membantu dalam semua hal ehwal pembayaran gaji, elauan, tuntutan perbelanjaan, baucar bayaran dan urusan inventori dan aset jabatan.

**C1**

Mengendalikan kawalan keselamatan di Pintu Masuk Utama, Pos Kawalan, Kaunter Bayaran, Kaunter Duti Setem dan lokasi yang telah ditetapkan.

Menjalankan tugas rondaan di kawasan pejabat, bangunan dan premis LHDNM.

Memantau kawalan keluar dan masuk kenderaan dan pelawat yang berurusan di premis LHDNM.

Membuat laporan kenyataan yang benar di dalam Buku Catatan dan Buku Laporan Harian.

**KRITERIA YANG DIPERLUKAN**

- ✓ Sihat tubuh badan dan bebas daripada penyakit kronik.
- ✓ Berdaya saing, asertif, pemikiran kritis, dinamik serta matang.
- ✓ Bertanggungjawab, proaktif, daya inisiatif yang tinggi dan kemahiran interpersonal yang baik.
- ✓ Kebolehan bekerja secara berkumpulan, kemahiran komunikasi yang baik dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Berkemahiran dalam bahasa etnik seperti Mandarin, Tamil dan bahasa lain adalah satu kelebihan.
- ✓ Aktif dalam kegiatan luar terutama dalam bidang sukan, seni mempertahankan diri dan pasukan beruniform.

**SKIM GAJI JAWATAN**

**A1**

RM2,198.00 – RM7,065.00

**B1**

RM1,507.00 – RM4,854.00

**C1**

RM1,235.00 – RM3,756.00

**FAEDAH**

LHDNM menawarkan faedah yang menarik kepada kakitangannya seperti kemudahan cuti rehat, rawatan perubatan dan pergigilian, pinjaman perumahan, pinjaman kenderaan, pinjaman komputer, peluang membina kerjaya, kursus-kursus untuk kemajuan diri dan kemudahan sukan dan rekreasi.

**CARA MEMOHON**

Permohonan dari **calon-calon luar LHDNM** (termasuk yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan) hendaklah dibuat melalui Laman Web JobsMalaysia (Kementerian Sumber Manusia) di <http://www.jobsmalaysia.gov.my>.

Permohonan dari **calon-calon pegawai LHDNM yang masih berkhidmat** (bertaraf Sambilan) hendaklah dibuat melalui sistem yang boleh dicapai melalui URL <http://kerjaya.hasil.gov.my/eKerjaya>.



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**  
**BERSAMA MEMBANGUN NEGARA**

**Kami merupakan organisasi pemungut cukai yang terulung sedang mencari individu yang profesional, dinamik, kreatif dan bermotivasi untuk menyertai kami.**

**MAKLUMAT TEMU DUGA**

Nama calon-calon yang berjaya dipanggil menghadiri temu duga **akan dimaklumkan melalui dua kaedah iaitu:-**

- \* Paparan di Laman Web Rasmi LHDNM (ruangan "Kerjaya");  
dan
- \* Melalui Surat

Pemohon juga dinasihatkan sentiasa menyemak Laman Web Rasmi LHDNM untuk mengetahui sebarang perkembangan maklumat terkini berhubung tawaran jawatan berkenaan.

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

**19 NOVEMBER 2012**

**NOTA**

- Hanya calon-calon yang mempunyai kelayakan dan kriteria seperti di atas dan juga telah ditapis sahaja akan dipanggil untuk temu duga.
- Calon-calon yang tidak dihubungi dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh tutup iklan, adalah dianggap tidak berjaya.
- Sebarang pertanyaan boleh menghubungi nombor berikut :

**Unit Pengambilan dan Penempatan di talian :**  
03-8313 8888 sambungan 21079, 21081,21082,21083,  
21084,21085,21041,21042 dan 21048